

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Bertulis
DARIPADA : Tuan Ahmad Marzukh bin Shaary
[Bachok]
SOALAN : Tuan Ahmad Marzukh bin Shaary
minta **MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan
apakah langkah-langkah Kementerian
dalam mengatasi permasalahan
kemasukan air masin ke petak sawah
yang berlaku di kawasan penanaman
padi berdekatan laut terutamanya di Kg.
Kemasin Daerah Bachok dan Kg. Sungai
Pinang Daerah Tumpat. Berapakah
peruntukan yang telah dibelanjakan bagi
menangani masalah ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Antara langkah pihak Kementerian dalam usaha untuk mengatasi permasalahan kemasukan air masin ke petak sawah ialah melalui pemasangan Pintu Kawalan Pasang Surut atau *Tidal Gate Control* (TCG).

Pintu Kawalan Pasang Surut di Pengkalan Petah, Jajahan Bachok telah siap dibina pada tahun 1989 dan mula beroperasi pada tahun 1990 dengan kos sebanyak RM6.8 juta. TCG ini mempunyai enam (6) buah pintu berukuran 5.2 x 5 meter yang bertindak sebagai tebatan banjir, kawalan pasang surut air serta untuk mengatasi masalah kemasukan air masin ke bendang-bendang padi dan sekitar kawasan tanaman lain. Setiap dua (2) tahun sekali, TCG ini perlu diselenggara bagi memastikan ia dapat berfungsi dengan baik dan anggaran kos untuk penyelenggaraan TCG adalah sebanyak RM10,000. Sewaktu tanaman padi Luar Musim 2013 baru-baru ini, kebocoran telah dilaporkan berlaku dan pihak IADA Kemasin Semerak telah mengambil langkah membaiki kebocoran tersebut dengan anggaran kos sebanyak RM237,000. Sebanyak empat (4) daripada enam (6) buah pintu telah siap dibaiki manakala baki dua (2) buah pintu lagi masih dalam pembinaan. Tarikh asal untuk menyiapkan projek ini adalah pada 4 September 2014 namun telah dilanjutkan kepada 7 November 2014.

Bagi Kg. Sg. Pinang, Daerah Tumpat, ia terletak di luar kawasan jelapang. Kawasan ini juga telah mempunyai infrastruktur sedia ada bagi kawalan air pasang surut termasuklah rumah pam dan pintu air. Bagi mengatasi masalah kemasukan air masin ke kawasan ini, infrastruktur sedia ada ini perlu dinaiktaraf dengan anggaran kos sebanyak RM4 juta. Peruntukan bagi melaksanakan kerja-kerja tersebut telah dirancang untuk dimohon dalam Rancangan Malaysia Ke-11.